

ADUAN SUAPAN / SOGOKAN

MPSP komited dalam mewujudkan ruang pemberitahuan maklumat yang selamat bagi aktiviti suapan/sogokan yang berlaku serta menjamin kerahsiaan maklumat pengadu.

Pemberitahuan maklumat adalah suatu perbuatan secara sukarela dan suci hati melaporkan apabila mendapati, mendengar, melihat, menyaksikan berlakunya aktiviti suapan / pelanggaran dasar integriti / Sistem Pengurusan Anti Suapan MPSP (ABMS) yang dilakukan oleh warga MPSP.

Dasar Pemberi Maklumat dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. Menyediakan saluran untuk pihak pekerja dan orang awam untuk mendedahkan sebarang aktiviti yang mempunyai unsur suapan atau pelanggaran Dasar Integriti/ Sistem Pengurusan Anti Suapan MPSP (ABMS) .
2. Menyediakan kaedah supaya pendedahan dapat ditangani dengan cara yang efektif.
3. Memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang ancaman/tindakbalas dan merahsiakan identiti pemberi maklumat.
4. Memberi layanan secara adil kepada kedua-dua pihak (pemberi maklumat dan orang yang diadu).

Sebarang Pemberian Maklumat boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut :-

1. e-mail – whistleblower@mpsp.gov.my
2. Surat yang dialamatkan kepada :
Ketua Pasukan Pengurusan Integriti MPSP
Tingkat 14, Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam.
3. Telefon ditalian :
04-5497429 – Encik Mohd Hairol bin Man
04-5497431 – Encik Sharul Nizam bin Shazalee
04-5497836 – Puan Intan Syuhaila Khairunnisa binti Shuib
04-5497732 – Puan Rafiza binti Abdul Rahim
4. Secara bersemuka dengan Ketua Pasukan Pengurusan Integriti MPSP

Pemberi maklumat perlu menyatakan nama, nombor kad pengenalan dan nombor telefon yang boleh dihubungi. Pemberi Maklumat hendaklah menyatakan butir-butir diri orang yang terlibat, jenis dakwaan, masa dan tempat kejadian serta lain-lain bukti sokongan yang berkaitan, jika ada.

Pihak Pengurusan MPSP berhak untuk menyalurkan Pemberian Maklumat yang dibuat kepada saluran aduan berkaitan yang lain jika pendedahan tersebut tidak termaktub di bawah dasar ini.